

# Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah ■ Vol. 9, No. 1, 2014 ■ ISSN 1985 - 5079



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

UITM CAWANGAN

KEDAH

# **ACADEMIC SERIES COMMITTEE UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH**

## **Editor-in-Chief**

Dr Mahzir Ismail  
Sharina Saad

## **Advisory Board**

Aishah Musa  
Etty Harniza Harun  
Hasroleffendi Hassan  
Nor Ardyanti Ahmad

Syakirah Mohamed  
Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady  
Prof. Madya Wan Faizah Wan Abdullah

## **Graphic** Asrol Hasan

## **Special Tasks**

Aishah Musa  
Bawani Selvaraj  
Ho Chui Chui

Rita Maria Dourado  
Siti Ajar Ikhwan (USM)  
Syazliyati Ibrahim

## **Review Board**

Prof Madya Dr. Janudin bin Sardi@Mohd Yusop  
*Universiti Teknologi MARA Shah Alam*  
Dr Rafizah Mohd Rawian  
*Universiti Teknologi MARA Perlis*  
Dr. Norizul Azida Darus  
*Universiti Teknologi MARA Perlis*  
Dr Kamisah Ariffin  
*Universiti Teknologi MARA Pahang.*  
Dr Irene Leong  
*UiTM Kampus Bandaraya Melaka*  
Dr Sujatha Menon  
*UiTM Kampus Bandaraya Melaka*

Dr. Mohd Norawi Ali  
*Universiti Sains Malaysia*  
Dr Muhammad Saiful Haq bin Hussin  
*Universiti Malaya*  
Dr Muhammad Saiful Haq bin Hussin  
*Universiti Malaya*  
Dr Mohd Zaki Abd Rahman  
*Universiti Malaya*  
Dr Ghazali Bin Lateh  
*Universiti Putra Malaysia*

---

Copyright © 2014 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© *Voice of Academia* is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Kedah and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor. Printed by Perpus-takaan Sultan Badlishah, Universiti Teknologi MARA, Kedah.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

---

*Making A Placement Test Based On Vocabulary Knowledge*

*Andrew Gorringe  
John Anderson*

---

*Malaysian Undergraduates' (In)ability to Identify the Correct Use of Sources*

*SHo Chui Chui  
Wong Soon Heng*

---

*Keberkesanan Pembelajaran Kemahiran Lisan Berstruktur Dan Penggunaan ICT Bagi Penilaian Lisan*

*Roslinda Johari*

---

*Pembinaan Data Korpus Bahasa Arab Untuk Tujuan Pengajaran Di Peringkat STAM*

*Zainur Rijal B. Abdul Razak (Dr)  
Rosni B. Samah  
Muhammad Fauzi B. Jumingan  
Mohd. Shahriman B. Abu Bakar*

---

*Program Literasi Bahasa Melayu Pelajar Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Tiong, Kota Bharu Kelantan Bekerja di Tanah Air*

*Helmey Zainee Binti Mohd Zain  
Zuraihan binti Zakaria*

## CONTENTS

## PAGE

Making A Placement Test Based On Vocabulary Knowledge	1
<i>Malaysian Undergraduates' (In)ability to Identify the Correct Use of Sources</i>	13
Keberkesanan Pembelajaran Kemahiran Lisan Berstruktur Dan Penggunaan ICT Bagi Penilaian Lisan	23
Pembinaan Data Korpus Bahasa Arab Untuk Tujuan Pengajaran Di Peringkat STAM	33
Program Literasi Bahasa Melayu Pelajar Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan Tiong, Kota Bharu Kelantan Bekerja di Tanah Air	55

# Keberkesanan Pembelajaran Kemahiran Lisan Berstruktur Dan Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Bagi Penilaian Lisan

Roslinda Johari

Sekolah Rendah Gongshang

Pusat Bahasa Melayu Singapura

13 Bishan Street 14, Singapore 579782

roslinda\_johari@moe.edu.sg

## ABSTRAK

*Sejak dengan Kurikulum Bahasa Ibunda yang bertujuan membimbing pelajar menjadi pengguna bahasa yang cekap dan dapat bertutur dengan yakin dan efektif, kajian pembelajaran telah dijalankan untuk meningkatkan kemahiran lisan para pelajar. Satu strategi pembelajaran lisan telah dibina bagi meningkatkan kemahiran lisan para pelajar yang mengambil bahasa Melayu. Strategi pembelajaran lisan ini menggunakan strategi pemerancahan untuk membantu dan membimbing para pelajar bagi meningkatkan kemahiran lisan dari segi kelancaran dan keyakinan mereka. Pembelajaran lisan ini menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif untuk membolehkan para pelajar melalui pembelajaran secara kolaboratif serta kendiri melalui penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Bahan-bahan pembelajaran yang dibina menggunakan pendekatan yang berdasarkan aktiviti berkumpulan dan pendedahan kosa kata berdasarkan pelbagai situasi di dalam gambar. Para pelajar akan menjalani aktiviti penyusunan gambar sebagai aktiviti rangsangan pada peringkat awal pembelajaran. Pelajar akan didedahkan dengan kosa kata yang berkaitan dengan pelbagai situasi yang di dalam gambar tersebut. Permainan bahasa melibatkan kosa kata secara berkumpulan pula dapat menggalakkan komunikasi antara pelajar dan mengingat semula kosa kata yang telah dipelajari. Para pelajar juga didedahkan dengan penggunaan rubriks bagi menilai tahap pencapaian kemahiran lisan mereka. TMK digunakan sebagai latihan pengukuran dan untuk mendapatkan maklum balas daripada guru tentang pencapaian bacaan dan isi perbualan mereka. Rakaman maya, ‘Vocaroo’ dan portal pelajar, iCoLAB, membolehkan pelajar*

*merakam bacaan mereka dan memberikan pandangan mereka secara maya. Guru pula dapat memberikan maklum balas secara maya di Blog yang dibina dalam portal ini. Penggunaan TMK ini menggalakkan para pelajar terutama sekali yang bersifat motivasi intrinsik untuk membuat latihan lisan secara kendiri bagi mendapatkan maklum balas guru dan rakan.*

**Kata Kunci:** Kemahiran Lisan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), Aktiviti Berkumpulan, Pendedahan Kosa Kata, Penilaian

## 1. Pengenalan

Kurikulum Bahasa Ibunda bertujuan untuk membimbing pelajar menjadi pengguna bahasa yang cekap dan dapat bertutur dengan yakin, efektif dan bermakna dalam situasi kehidupan yang sebenar. Bagi mencapai matlamat tersebut, dalam Semakan Kurikulum Bahasa Ibunda 2010, antara saranan jawatankuasa semakan adalah untuk memperkuatkannya kemahiran interaksi. Penekanan terhadap interaksi lisan dan penulisan telah diutarakan. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi juga telah disarankan dalam membina kemahiran ini.

Oleh itu, selaras dengan matlamat di atas, kajian bagi mengukuhkan kemahiran lisan para pelajar telah dijalankan. Analisis prestasi para pelajar di Sekolah Rendah Gongshang dalam ujian lisan sejak beberapa tahun kebelakangan ini jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu mereka secara umumnya lemah terutama sekali dalam kemahiran lisan. Hal ini terbukti daripada pencapaian prestasi mereka dalam peperiksaan lisan pada pertengahan dan akhir tahun. Pelajar didapati mempunyai kesukaran menerangkan dan menyatakan pandangan mereka semasa ujian lisan. Penggunaan bahasa Inggeris sering digunakan ketika menjalani ujian lisan. Oleh itu, penyelidik mengandaikan bahawa masalah ini berlaku kerana kosa kata mereka yang terhad.

Oleh hal yang demikian, satu strategi pembelajaran lisan telah dibina bagi mengatasi masalah terhadnya kosa kata di kalangan pelajar. Penyelidik membuat satu hipotesis bahawa strategi pembelajaran lisan yang bersesuaian dibina agar dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk bertutur

dengan yakin dan lancar.

## **2. Tujuan Kajian**

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah bagi meningkatkan keupayaan pelajar untuk menggunakan kosa kata yang tepat bagi menerangkan pelbagai situasi berdasarkan gambar tunggal yang diberikan. Tanpa kosa kata yang tepat, pelajar akan menghadapi kesukaran untuk bertutur dengan yakin dan lancar. Oleh itu, pembelajaran kosa kata yang tepat bagi situasi yang pelbagai serta aktiviti-aktiviti pengukuhan dapat membantu pelajar untuk mengingat kosa kata yang dipelajari dan menggunakan sewaktu ujian lisan. Hal ini juga dapat meningkatkan keyakinan para pelajar apabila dapat bertutur dengan lancar dan tepat.

Selain daripada kemahiran lisan ini, penggunaan TMK dapat meningkatkan kemahiran TMK di kalangan pelajar. Pelajar didedahkan dengan penggunaan blog melalui portal pelajar, iCoLAB dan rakaman secara maya iaitu ‘Vocaraoo’. Penggunaan TMK ini juga menggalakkan pelajar ke arah pembelajaran secara kendiri dengan cara mereka akan merakamkan suara bagi menilai pembacaan mereka ataupun mendapat maklum balas guru bagi bacaan yang dirakam.

Oleh itu, tujuan bagi kajian ini boleh dirumuskan sebagai berikut:

- Meningkatkan kosa kata pelajar dalam bahasa Melayu
- Meningkatkan keyakinan pelajar dalam ujian lisan
- Meningkatkan kemahiran TMK

## **3. Permasalahan Kajian**

Bagi mengukuhkan andaian penyelidik bahawa keterbatasan kosa kata merupakan faktor utama yang menghambat pencapaian para pelajar dalam kemahiran lisan mereka, penyelidik telah menjalankan soal selidik dalam kalangan subjek kajian. Pada tahun lepas, soal selidik tentang penggunaan bahasa yang dituturkan di rumah telah dijalankan ke atas 114 para pelajar yang terdiri daripada darjah 5 & 6 yang mengambil Bahasa Melayu. 19 pelajar di kalangan 114 pelajar, iaitu 16.7 peratus menyatakan bahawa

mereka hanya menggunakan Bahasa Inggeris ketika bertutur di rumah, manakala 18 pelajar iaitu 15.8 peratus menyatakan bahawa mereka menggunakan Bahasa Melayu di rumah. Selain daripada itu, 77 pelajar pula, iaitu 67.5 peratus di kalangan mereka yang menggunakan kombinasi kedua-dua bahasa Inggeris dan Melayu di rumah yang berdominasikan bahasa Inggeris dalam bahasa pertuturan mereka.

Melalui soal selidik ini juga, penyelidik mendapati bahawa satu trend yang membuktikan kedua-dua ibu bapa yang berpendidikan tinggi, lebih cenderung menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi di rumah. Penyelidik mendapati bahawa ramai pelajar yang tidak menggunakan Bahasa Melayu di rumah dan hanya menggunakaninya di dalam kelas bahasa Melayu di sekolah. Berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan ini, maka penyelidik merumuskan bahawa ketidakmampuan pelajar untuk bertutur dengan yakin dan lancar adalah disebabkan terhadnya kosa kata murid-murid kerana kurangnya pendedahan terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam situasi yang pelbagai.

#### 4. Kajian Lepas

Dapatkan kajian di Barat menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran koperatif boleh merangsang perkembangan kognitif yang lebih baik dan pencapaian akademik yang lebih tinggi berbanding dengan pembelajaran kendiri.

Hal ini selaras dengan teori konstruktivisme yang ditegaskan oleh Vygotsky, Stacey & Beras (2002) yang mendapati bahawa pembelajaran yang dibina berdasarkan persekitaran sosial adalah penting untuk pembelajaran yang berkesan.

Pembelajaran lisan ini juga menerapkan teknik pemerancahan yang menghendaki para pelajar melalui aktiviti yang pelbagai dan bertahap-tahap bagi mengukuhkan proses pembelajaran seperti yang ditegaskan di bawah ini.

*'Scaffolding refers to providing contextual supports for meaning through the use of simplified language, teacher modelling, visuals and graphics, cooperative learning and hands-on learning.'*

*(Ovando, Collier & Combs, 2003, p. 345)*

Mereka menegaskan bahawa pemerencahan merujuk kepada menyediakan sokongan kontekstual makna melalui penggunaan bahasa yang mudah, pemodelan guru, visual dan grafik, pembelajaran koperatif serta pembelajaran secara praktikal.

## **5. Metodologi Kajian**

Bagi metodologi dalam menjalankan kajian ini pula, kami telah merujuk pada buku yang dihasilkan oleh ISP Nation, ‘Learning Vocabulary in Another Language dan Teaching Vocabulary’. Beliau menegaskan bahawa pembelajaran kosa kata harus diajar dan dipelajari serta diulang. Pembelajaran harus melalui beberapa proses yang bertahap dan berstruktur kerana sebab-sebab yang dinyatakan di bawah ini.

*‘that learning vocabulary is a cumulative process and that it must be deliberately taught, learned, and recycled. This is critical for several reasons:*

- 1) *Learners need to encounter the words in a variety of rich contexts, often requiring up to sixteen encounters.*
- 2) *Learners remember words when they have manipulated them in different ways, so variety is essential for vocabulary teaching.*
- 3) *Learners forget words within the first twenty four hours after class, so it is important to follow up a vocabulary lesson with homework that recycles the words.’*

(Nation, 2001)

Dalam kajian ini juga, kami telah menggabungkan pembelajaran koperatif. Pembelajaran koperatif diterapkan sebagai aktiviti pengukuhan untuk memahami makna dan menyenaraikan semula kosa kata yang telah dipelajari.

## **6. Kaedah Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik telah mengenalpasti kelemahan pelajar melalui markah daripada peperiksaan pertengahan tahun 2012. Tinjauan lanjut dilakukan untuk memahami dengan lebih mendalam masalah yang berlaku. Pertama sekali, penyelidik menganalisis keputusan ujian lisan para pelajar dan mendapati kebanyakan pelajar tidak dapat melepassi sasaran markah yang bukan berdasarkan gred yang standard dalam

bahagian penerangan dan perbualan gambar.

Kemudian kami juga membuat analisis melalui laporan pemeriksa yang menjalankan ujian lisan dan mendapati pelajar sukar menerangkan sesuatu keadaan dalam gambar dengan tepat dan ada penggunaan bahasa Inggeris dalam pertuturan mereka.

Tinjauan yang seterusnya dilakukan melalui soal selidik ke atas subjek kajian untuk mengenal pasti bahasa yang sering digunakan di rumah. Berdasarkan tinjauan ini, penyelidik telah merumuskan pemasalahan utama dalam kalangan pelajar adalah kekurangan penguasaan kosa kata dan penyelidik telah menghasilkan satu strategi pembelajaran lisan yang konstruktif bagi membantu meningkatkan kemahiran lisan ini. Para pelajar yang dipilih menjalani pembelajaran lisan yang telah dibina selama 4 bulan.

Bagi menilai keberhasilan kajian ini, analisis dilakukan berdasarkan perbandingan keputusan markah ujian lisan antara SA1 dan SA2. Ujian versi SPSS digunakan untuk membandingkan min, dan menilai saiz kesan.

### **6.1 Subjek Kajian**

Subjek Kajian adalah daripada 3 kumpulan yang mempunyai tahap kemahiran yang berbeza daripada darjah 5 & 6. Mereka merupakan kumpulan eksperimental dan tiada kumpulan kawalan. Ketiga-tiga kumpulan ini telah menjalani pembelajaran lisan itu selama 4 bulan iaitu penggal yang ketiga dan empat.

### **6.2 Instrumen Kajian**

Instrumen bagi kajian ini adalah aktiviti-aktiviti lisan yang telah dibina oleh guru berdasarkan 6 set gambar mengikut topik sukatan pelajaran. Contoh aktiviti lisan dilampirkan dalam Annex B. Borang penilaian juga digunakan untuk menilai lisan murid-murid yang dilampirkan dalam Annex C. Di samping itu, penggunaan TMK seperti Blog dan rakaman maya ‘Vocaroo’ digunakan.

### **6.3 Prosedur Kajian**

Strategi kajian yang telah digunakan bagi tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran lisan subjek kajian supaya mereka dapat bertutur dengan lancar dan yakin. Oleh sebab itu, semua subjek kajian yang dipilih

akan menjalani strategi pembelajaran lisan sebagaimana yang telah dirancangkan. Strategi pembelajaran ini mengikut Rancangan Pengajaran yang dilampirkan dalam Annex A.

Pembelajaran lisan ini dimulakan dengan aktiviti kumpulan, mereka akan melakukan susun suai gambar dan memahami senarai kosa kata yang berkaitan dengan gambar melalui perbincangan. Kemudian subjek kajian akan melakukan aktiviti pengukuhan, mereka harus mengingat semula senarai perkataan yang telah dipelajari dan menyenaraikannya.

Bagi peringkat yang kedua, mereka akan menggunakan perkataan-perkataan atau frasa-frasa tersebut untuk membina ayat yang berkaitan dengan situasi-situasi di dalam gambar yang diberikan. Selepas itu, mereka akan menulis semula ayat-ayat tersebut di dalam latihan susulan yang disediakan.


Selepas aktiviti penulisan, subjek kajian akan berlatih membincangkan gambar secara lisan, rakan atau guru yang akan menilai menggunakan borang penilaian. Pemarkahan akan diberikan berdasarkan rubrik yang diberikan di dalam borang penilaian itu.

Mereka juga digalakkan untuk berlatih dengan menggunakan TMK di portal pelajar iCoLAB yang memerlukan maklum balas yang diberikan oleh guru.

## 7. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian yang diperoleh dibuktikan melalui perbandingan dalam markah ujian lisan semester 1 dan markah ujian lisan semester 2 bagi ketiga-tiga kelas. Berdasarkan data di bawah ini, secara keseluruhan, penyelidik dapat bahawa terdapat peningkatan dalam markah ujian lisan semester 2 berbanding dengan ujian lisan semester 1. Secara keseluruhan, subjek kajian dapat mencapai markah yang lebih baik selepas menjalani strategi pembelajaran lisan ini.

### Pencapaian Bagi Ujian Penerangan & Perbualan



Rajah 1: Keputusan Peperiksaan SA 1 & SA 2

Strategi pembelajaran lisan ini telah berjaya meningkatkan mutu penerangan subjek kajian dengan memberikan kosa kata yang tepat berdasarkan gambar. Subjek kajian juga dapat memperluaskan penerangan mereka berdasarkan gambar dan memberikan idea yang bernes dengan lebih yakin dan lancar ketika menjalani ujian lisan. Berdasarkan jadual di bawah ini, terdapat peningkatan dalam markah min jika  $P$  kurang daripada 0.05, ini bermakna pencapaian subjek kajian ada peningkatan.

Jadual 1: Keputusan Peperiksaan SA 1 & SA 2

Using the pair t-test to compare the difference of the mean marks between the pre and post test.						
Data Source	P5 ML1		P6 ML1		P6 ML2	
	SA 1	SA 2	SA 1	SA 2	SA 1	SA 2
Mean	22	26	21	24	22	26
Standard Deviation	2.34	2.63	2.65	2.22	2.35	3.00
T-Test	0.001		0.002		0.003	
Significant	Yes		Yes		Yes	
Difference in Mean	4		3		4	

If  $P < 0.05$ , there is improvement. Mean marks had increased.

## **8. Kesimpulan**

Strategi pembelajaran lisan didapati telah dapat membantu subjek kajian untuk menjadi lebih yakin dan lancar ketika bertutur dalam bahasa Melayu sewaktu ujian lisan dijalankan. Hasil kajian ini agak memberangsangkan kerana strategi yang dibina telah menampakkan hasil yang positif berbanding dengan strategi yang digunakan sebelum ini. Kajian ini bukan sahaja dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran lisan, malah aktiviti penulisan juga telah tidak secara langsung memperlihatkan mutu peningkatananya dalam kalangan subjek kajian.

Antara maklum balas positif melalui kajian ini ialah, pengajaran yang terancang, nota dapat digunakan sebagai rujukan dan penerapan kemahiran TMK. Walau bagaimanapun, penyelidik juga mendapat keluhan daripada subjek kerana mereka harus banyak melakukan gerak kerja menulis. Penyelidik juga menghadapi beberapa keterbatasan sewaktu menjalankan kajian ini seperti jangka masa pencelahan yang agak singkat dan ketiadaan komputer atau internet bagi sebahagian kecil subjek kajian.

Sebagai langkah selanjutnya, penyelidik akan memperbaiki strategi pembelajaran lisan ini dengan membahagikan pembelajaran lisan secara bertema dan merancangkan jangka masa yang sesuai bagi pembelajarannya. Penyelidik akan mengusahakan agar pembelajaran lisan ini dapat digunakan oleh murid-murid lain daripada peringkat yang berbeza.

## **Rujukan**

Abbas Bin Mohd Shariff, Ph.D (2006) Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Singapore : Alfa Media

Huraian Sukatan Pelajaran Melayu 2008 Darjah 5 dan 6 Mekar (Singapore:CPDD, MOE 2007)

I.S.P. Nation, (2001). Learning Vocabulary in Another Language. Cambridge/GB: Cambridge University Press.

Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu  
(Singapore: CPDD, MOE 2005)

Ovando, C., Collier, V., & Combs, M. (2003). Bilingual and ESL classrooms: Teaching multicultural contexts (3rd ed.). Boston: McGraw-Hill.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2008  
(Singapore:CPDD, MOE 2007)

Vygotsky,L,Stacey, E and Beras, (2002). Dipetik dari ‘learning links online. Establising construcitvest and collaborative learning environment.  
<http://www.aset.org.an/canfs/soos/stacey.html> (02.03.2012)



A  
Voice of  
Academia

---





# A Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

